



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENGERAKAN PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)

19 Jun 2021, Kota Tinggi – YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique hari ini telah melancarkan **PROGRAM MOBILISASI VAKSIN KOMUNITI (MOVAK)** di bawah Kementerian Perpaduan Negara yang melibatkan **tiga unit gerak kerja** yang dikendalikan oleh sukarelawan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) iaitu Unit Panggilan, Unit Mobilisasi dan Unit Tindakan Komuniti.

2. MOVAK merupakan inisiatif KPN untuk menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bertujuan untuk meningkatkan jumlah pendaftaran dan penerimaan vaksin di kalangan rakyat. Fungsi tiga (3) unit gerak kerja di bawah MOVAK ini adalah seperti berikut:

- a. **Unit Panggilan:** membuat panggilan pengesahan dan peringatan kepada penerima vaksin yang telah mendaftar berkenaan tarikh temujanji.
- b. **Unit Mobilisasi:** menyediakan pengangkutan untuk penerima vaksin COVID-19 mengambil suntikan di PPV.
- c. **Unit Tindakan Komuniti :** perkhidmatan “*outreach*” kepada masyarakat setempat bagi membantu:
 - i. pendaftaran pengambilan vaksin COVID-19 serta memberi maklumat;
 - ii. kempen kesedaran tentang pengambilan vaksin COVID-19 serta pematuhan SOP; dan
 - iii. pemakluman berkenaan keputusan-keputusan Kerajaan berhubung COVID-19.

3. Program hari ini diadakan di Dewan Felda Lok Heng Barat. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique turut menyerahkan sebuah bas yang telah diubahsuai untuk dijadikan **Unit Mobilisasi Vaksin Komuniti** kepada Pegawai Daerah Kota Tinggi selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah Kota Tinggi dan Pengerusi “*COVID-19 Immunisation Task Force*” (CITF) Peringkat Daerah Kota Tinggi. Program ini turut melibatkan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi dan seramai 498 penduduk Felda Lok Heng telah mendapat suntikan vaksin COVID-19 pada hari ini.

4. Selain penyediaan PPV bergerak, Unit gerak kerja MOVAK di Kota Tinggi hari ini menyediakan enam (6) buah kenderaan di bawah Unit Mobilisasi. Manakala Unit Panggilan dan Unit Tindakan Komuniti melibatkan seramai 20 orang anggota KRT dalam Daerah Kota Tinggi.

5. YB Datuk Halimah Mohamed Sadique yakin Program MOVAK ini akan dapat mempercepatkan lagi kadar pemberian vaksin di Malaysia, terutama di kawasan luar bandar dan pinggir bandar. PROGRAM MOVAK ini dilaksanakan secara kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk tempoh dua (2) bulan dan akan digerakkan ke negeri-negeri lain termasuk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Jun 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (71)